

**LAPORAN EKSA
SIRI 4/2024 : JAN - DIS
ZON SINERGI, ARAS 2**



**UNIT REPOSITORI & DOKUMEN DIGITAL
SEKSYEN KOLEKSI KHAS & DOKUMEN DIGITAL
BAHAGIAN ILMU PENGETAHUAN INSTITUSI
PERPUSTAKAAN RAJA ZARITH SOFIAH
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA
JOHOR BAHRU
JOHOR DARUL TA'ZIM**

DISEDIAKAN OLEH : HASLINA HUSSIN



MUKASURAT KANDUNGAN

Pengenalan ...	1
Aktiviti Jul-Dis 2023 ...	1
Galeri ...	3

PENGENALAN

Pelaporan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) Zon Sinergi, Unit Repositori & Dokumen Digital (URD) merupakan kesinambungan kepada pelaporan terdahulu yang mengandungi perubahan terkini dan penambahbaikan kepada perubahan sedia ada yang telah dilaksanakan mulai Jun 2022.

Bagi meneruskan agenda EKSA sesi Jan-Jun 2024, Zon Sinergi masih meneruskan beberapa inisiatif baharu untuk memastikan ekosistem kondusif yang menyasarkan untuk mengimbangi tekanan kerja dengan suasana bekerja yang tenang dan ceria di kalangan staf dapat dikekalkan.

AKTIVITI JAN-DIS 2024

Inisiatif membina ekosistem kondusif di URD merangkumi aktiviti keceriaan dan pengurusan ruang pejabat yang telah dilaksanakan secara berjadual namun digerakkan secara seiring bagi memastikan rutin kerja harian tidak terjejas.

Bagi tahun 2024, langkah awal untuk mengerakkan aktiviti EKSA di Zon Sinergi adalah dengan mengemaskini pelantikan Penanggungjawab Zon Sinergi bagi URD berikutan berlaku pertukaran staf berkuatkuasa mulai 1 Januari 2024. Rujuk Lampiran 1.

Dalam melaksanakan aktiviti EKSA di Zon Sinergi tanpa mengabaikan aspek keceriaan staf, pelaksanaan aktiviti ini digerakkan secara berperingkat dan sebarang keputusan pelaksanaan dibuat secara bersama melalui perkongsian idea serta pandangan kolektif.

Berikut adalah ringkasan kepada sebahagian aktiviti EKSA yang telah dilaksanakan pada Jan-Dis 2024.

4 Januari 2024 : Penukaran partition

Penukaran partition bersaiz rendah kepada partition bersaiz tinggi telah dilaksanakan bagi memastikan ruang solat diperkemaskan dan lebih selesa untuk staf wanita.

15 Mei 2024 : Perbincangan EKSA Bersama Staf URD

Satu sesi perbincangan telah diadakan bagi merancang kekemasan semula Bilik Suis yang dikhaskan bagi tujuan penyelenggaraan *digital signage*, dan susun atur ruang pejabat bagi memastikan kekemasan di peringkat akhir dapat dilaksanakan dengan lebih teratur dan kos yang terlibat dengan usaha menambahbaik ruang berkenaan.

16 Mei 2024 : Mengemas Bilik Suis

Sambungan kepada aktiviti yang telah dilaksanakan pada 20 Julai 2023 dengan memberi fokus kepada kemaskini ruang santai yang baharu yang dahulunya merupakan ruang mesin pengimbas Book2Net yang telah dilupuskan. Rangkuman ruang santai ini juga telah diperluaskan hingga ke tiang yang terdapat di ruang pejabat URD.

28 Nov. 2024 : Hiasan dinding dan kekemasan ruang pejabat

Aktiviti terakhir bagi tahun 2024 melibatkan hiasan dinding ruang pejabat dengan petikan ayat motivasi dan kekemasan penyusunan ruang pejabat.

GALERI – AKTIVITI EKSA




Penukaran partition rendah kepada partition tinggi bagi kekemasan susun atur ruang solat yang lebih selesa.



Pembersihan dan menyusun semula Bilik Suis.



Penempatan baharu barang-barang dari Bilik Suis di sebahagian ruang solat.



Sebelum



Selepas




Sebelum



Selepas



Sebelum



Selepas

Lampiran 1

Lokasi / Peralatan / Perkakasan	P.I.C
➤ Penyelaras EKSA Zon Sinergi : URD ➤ Dokumentasi EKSA	: Pn. Haslina Hussin
➤ Setiausaha ➤ Peralatan kebersihan	: Pn. Widya Wahid
➤ Bendahari	: Pn. Yanti Mohd. Shah
➤ Peralatan / mesin pengimbas ➤ Mesin mencetak	: En. Zulraizam Shamsudin
➤ Kebersihan ruang keseluruhan ➤ Papan kenyataan	: En. Fahmi Moksen @ Mohd. Hussin
➤ Pelabelan peralatan dan ruang	: Nurul Shafika Hassan (Ketua) : En. Akmal Alif Amran
➤ Sudut solat	: Pn. Yanti Mohd. Shah
➤ Kabinet alatulis & simpanan keperluan unit	: Pn. Muhamad Idham Sulong